

Keistimewaan Islam perlu dipertahankan

KUALA LUMPUR: Lebih 90 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyerahkan memorandum bersama 701,822 tandatangan sokongan rakyat kepada Majlis Raja-Raja dan kerajaan supaya tegas 'dan' teguh mempertahankan kedudukan dan keistimewaan Islam.

Ia dibuat berikutan tindakan pihak tertentu yang semakin lantang mempersoal, mencabar dan menuntut perubahan terhadap perundangan Islam serta kedudukan istimewa agama itu dalam Perlembagaan.

Memorandum itu diserahkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Tan Sri Ibrahim Engku Ngah yang diwakili Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja, Datuk Sabtu Awab di pejabatnya di sini, pagi semalam.

Petang semalam, memorandum yang sama berserta tandatangan turut diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Yusri Mohamad, berkata memorandum mengenai isu murtad, pertukaran agama dan kedudukan istimewa Islam itu dibuat hasil inisiatif gabungan NGO untuk mempertahankan kedudukan Islam.

"Kami yang mewakili umat Islam memohon kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja-Raja Melayu supaya tetap tegas dan teguh mempertahankan kedudukan istimewa Islam di negara ini.

"Kita juga meminta kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil langkah secukupnya membanteras usaha pihak tertentu mempertikai kedudukan istimewa Islam di sisi Perlembagaan dan menggalakkan penyelewengan akidah," katanya.

Yusri berkata, NGO terbabit bukan saja meminta mempertahankan peruntukan menyentuh keistimewaan dan kedudukan Islam seperti Perkara 3, 11(1), 11(4), 12(2), 121(1A) dan Jadual Kesembilan Perlembagaan, malah mencari ruang ia diperkembangkan.

Katanya, kerajaan perlu mempertahankan bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah mengadili kes berkaitan agama Islam agar tidak diganggu gugat, selain menyarankan lebih banyak dialog antara agama demi kerukunan masyarakat.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Zainul Rijal Abu, berkata pihaknya merayu Majlis Raja-Raja meneliti rapi memorandum itu kerana institusi berkenaan adalah benteng utama mempertahankan Islam.

Katanya, lebih 700,000 rakyat yang menurunkan tanda tangan adalah golongan umat Islam yang sebenarnya perlu dirujuk berhubung perkara Islam dan bukannya golongan Islam di pinggiran.